

15/01/2002

Nilai ringgit perlu dikekalkan elak kesan buruk perdagangan

KERAJAAN tidak akan sewenang-wenangnya menurunkan nilai ringgit kerana ia akan mendatangkan kesan negatif kepada perdagangan negara dan keyakinan pelabur.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz, berkata keputusan menurunkan nilai ringgit dalam keadaan mata wang yen yang tidak menentu tidak wajar dilakukan kerana ia mampu mengundang risiko lebih buruk.

"Baru beberapa hari saja mata wang Jepun itu turun. Jika kita turunkan nilai ringgit, sudah pasti pelabur akan hilang keyakinan pada mata wang kita.

Misalnya, peniaga membuat kontrak perdagangan pada kadar RM3.80 bagi tempoh tiga bulan, enam bulan atau setahun. Jika kita turunkan nilai ringgit, pastilah mereka akan rugi," katanya selepas menutup Seminar Pendidikan Pelaburan dan Perancangan Kewangan Malaysia anjuran Permodalan Nasional Berhad (PNB) di Kuala Kangsar, semalam.

Turut hadir pada majlis itu ialah Pengerusi PNB, Tan Sri Dr Ahmad Sarji Abdul Hamid.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Sabtu lalu dilaporkan berkata, kerajaan tidak bercadang menurunkan nilai ringgit yang kini ditambat pada RM3.80 bagi sedolar Amerika Syarikat seperti yang dilaporkan sebelum ini.

Dr Mahathir berkata, sebaliknya beliau hanya menyatakan bahawa Malaysia hanya akan menimbang merubah kadar tambatan nilai ringgit jika nilai mata wang jiran naik atau turun sehingga 20 peratus dan kekal pada tahap itu dalam tempoh yang lama.

Rafidah berkata, kerajaan perlu mengawasi perkembangan kejatuhan mata wang Jepun dalam tempoh yang panjang kerana yen mungkin naik semula selepas jatuh untuk beberapa ketika.

"Kerajaan tidak sewenang-wenang menukar nilai ringgit hanya kerana yen atau dollar Amerika Syarikat melalui tempoh turun naik pada jangkamasa pendek kerana kita mesti membuat penilaian pada asas jangka panjang.

Malah, jika matawang negara jiran turun sekalipun kita perlu menunggu sebelum membuat keputusan menurunkan nilai ringgit," katanya.

Sementara itu, Rafidah berkata, rakyat digalakkan melabur dalam skim amanah saham yang diuruskan PNB dan bukannya dalam pelaburan haram seperti skim cepat kaya.

Ini kerana PNB sentiasa memikirkan kaedah terbaik bagi memastikan pelaburan yang dibuat memperolehi keuntungan supaya ia dapat memberi dividen yang tinggi kepada pelabur, katanya.

Beliau berkata, pada masa ini terdapat tujuh juta pelabur yang melanggan sebanyak 37 bilion unit skim saham amanah yang diuruskan PNB.

Daripada jumlah itu, 21.5 peratus pelabur adalah golongan pelajar diikuti 14.8 peratus pekerja kilang, katanya.

(END)